

## **Ibadat haji ditangguh ke 2021**

**Malaysiakini**

**11 Jun 2020**

**Shakira Buang**

Kerajaan hari ini memutuskan ibadat haji tahun ini ditangguh ke tahun depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Dr Zukifli Mohamad dalam sidang media khasnya di Putrajaya berkata, ketetapan tersebut dibuat selepas mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Saya nyatakan dengan tulus ikhlas bahawa ini adalah keputusan yang amat berat untuk diluahkan dan setelah mendapat titah perkenan Yang di-Pertuan Agong, maka saya bagi pihak kerajaan Malaysia ingin mengumumkan kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Islam bahawa ibadat haji bagi musim haji 1441 Hijrah adalah ditangguhkan," katanya dalam sidang media di Putrajaya, hari ini.

Meurut Zukifli keputusan itu juga diambil berdasarkan taklimat disampaikan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Lembaga Tabung Haji (TH) serta perbincangan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang bersidang, pada 9 Jun.

"Semalam, saya sudah menjemput Duta Kerajaan Arab Saudi ke Malaysia untuk bertemu dan menyerahkan surat rasmi penangguhan ibadah haji bagi Malaysia untuk disampaikan kepada Dr Mohammed Saleh bin Taher Banten selaku Menteri Haji dan Umrah Kerajaan Arab Saudi.

"Selain Malaysia, antara negara lain yang turut menangguhkan penghantaran jemaah Haji mereka adalah Indonesia, Singapura, Kemboja, Thailand dan Brunei," katanya.

Zulkifli berkata, TH akan mengeluarkan kenyataan rasmi dan soalan lazim (FAQ) berkaitan urusan penangguhan ibadat haji.

"Saya juga menyeru seluruh umat Islam di Malaysia untuk terus berdoa supaya Allah SWT menghilangkan wabak ini sepenuhnya dan memelihara dua Kota Suci Makkah dan Madinah dari sebarang perkara yang tidak diingini.

"Saya mengharapkan semua bakal haji untuk bersabar dan reda dengan keputusan ini," katanya.

Pada masa sama, beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi di bawah kepimpinan Khadim al-Haramain al Syarifain Raja Salman Abdulaziz atas usaha gigih membendung penularan jangkitan Covid-19 di Tanah Suci.

"Kami amat menghargai segala pengorbanan Kerajaan Arab Saudi dan wira barisan hadapan mereka yang masih bertungkus-lumus dan berterusan memerangi wabak ini khususnya di dua Kota Suci yang dicintai seluruh umat Islam," katanya.

**Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd**

Source: <https://www.malysiakini.com/news/529799>